

ISU DAN CABARAN IBU TUNGGAL : KIT BAN TOW SEBAGAI INISIATIF AWAL

Maymunah Ismail

Fakulti Pengurusan Perniagaan,

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, 78000, Melaka, Malaysia.

Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, 78000, Melaka, Malaysia.

Noormala Rabu

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, 78000, Melaka, Malaysia.

Marziana Abd Malib

Jabatan Undang-Undang,

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, 78000, Melaka, Malaysia

Mohamad Shafiei Ayub

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, 78000, Melaka, Malaysia.

Khalilah Ibrahim

Fakulti Pengurusan Perniagaan,

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, 78000, Melaka, Malaysia.

Corresponding Author’s Email: nizam_aziz@uitm.edu.my

Article history:

Received : 4 April 2023

Accepted : 10 April 2023

Published : 10 Mei 2023

ABSTRAK

Ibu tunggal di Malaysia berjumlah 8.3% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia. Selepas penceraian sama ada penceraian hidup atau mati, ibu tunggal menghadapi pelbagai cabaran hidup yang menyumbang kepada peningkatan golongan yang kurang berkemampuan, serta memerlukan bantuan

dan sokongan untuk meneruskan kehidupan mereka dengan berkualiti. Masalah ibu tunggal bertambah serius apabila terdapat juga ibu tunggal yang kurang cakna akan bantuan kerajaan yang diperuntukkan kepada mereka, ditambah pula dengan urusan mahkamah yang perlukan penyelesaian serta ketidakstabilan ekonomi yang menyebabkan tekanan kepada mereka. Kegagalan untuk membantu ibu tunggal ini akan menyebabkan mereka menghadapi masalah kesejahteraan hidup dan masalah kemurungan dan mental. Mereka memerlukan satu panduan yang berupa bimbingan dalam melalui proses selepas penceraian. Oleh yang demikian, kajian awalan dijalankan untuk mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal dan penyelesaiannya kepada masalah mereka. Kajian ini dilakukan secara kualitatif hasil dari soal selidik yang diberikan kepada ibu tunggal melalui Persatuan Ibu Tunggal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Hasil kajian mendapati, cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah (a) kurang cakna terhadap bantuan yang diperuntukkan b) urusan mahkamah, dan (c) ketidakstabilan ekonomi. Sebagai solusi kepada permasalahan ibu tunggal ini, kajian ini membangunkan Kit BanTow dengan harapan dapat membantu dan membimbing wanita dalam memulakan tuntutan dan menguruskan kehidupan selepas penceraian. Kit ini mengandungi senarai semak hak-hak yang boleh dituntut oleh ibu tunggal dan senarai organisasi-organisasi penting berkaitan yang dilengkapi dengan QR Code supaya rujukan terus boleh dibuat.

Kata kunci: ibu tunggal, hak wanita, ketidakstabilan ekonomi, kesejahteraan hidup, panduan

SINGLE MOTHER ISSUES AND CHALLENGES: BAN TOW KIT AS AN EARLY INITIATIVE

ABSTRACT

Single mothers in Malaysia make up 8.3% of the total population. After a divorce, whether it is a life-or-death divorce, single mothers face various life challenges that contribute to the rise of the underprivileged, as well as needing help and support to continue their lives with quality. The problem of single mothers is made more serious when there are also single mothers who are less aware of the government assistance allocated to them, coupled with court affairs that need solutions and economic instability that is causing stress for them. Failure to help these single mothers will cause them to face life well-being problems, depression, and mental problems. They need a guide to help them go through the post-divorce process. Therefore, preliminary studies were conducted to identify the challenges faced by single mothers and their solutions to their problems. The study was conducted qualitatively as a result of questionnaires given to single mothers through the Single Mothers Association and the Department of Social Welfare. The findings found that the challenges faced by single mothers were (a) a lack of respect for the assistance provided, (b) court

affairs, and (c) economic instability. As a solution to this problem of single mothers, this study developed Kit BanTow in the hope of helping and guiding women in starting claims and managing life after divorce. This kit contains a checklist of the rights that single mothers can claim and a list of relevant and important organisations equipped with QR codes so that direct references can be made.

Keywords: single mother, women's rights, economic instability, well-being, guide

PENDAHULUAN

Sesebuah institusi kekeluargaan dianggap lengkap dan sempurna pada mata kasar masyarakat apabila terdiri daripada pasangan suami isteri yang bertindak sebagai ibu dan bapa, serta anak-anak (Malinen et al, 2010). Mengukuhkan institusi kekeluargaan bukanlah satu tanggungjawab yang mudah untuk digalas kepada mereka yang memegang “*title*” sebagai ketua keluarga. Tidak kira siapa yang menggalas beban tersebut sama ada si bapa atau si ibu, namun daripada segi pelaksanaannya kepada pasangan beragama Islam, mereka tetap perlu mengikut landasan dan corak didikan yang betul mengikut lunas-lunas dalam agama Islam (Hassan, 2014).

Kematian atau penceraian ibu dan bapa akan mengubah struktur asal sesebuah keluarga. Peristiwa negatif ini akan memberi kesan yang negatif terhadap sesebuah keluarga (Ochoa, 2006) serta mengubah peranan setiap ahli keluarga tersebut (Nichols, 2010). Choi dan Jackson (2011) mengatakan bahawa masyarakat umum lebih kerap membincangkan tentang ibu tunggal berbanding bapa tunggal. Ibu tunggal juga dianggap terpaksa memikul tanggungjawab yang lebih besar setelah ketiadaan suami. Fenomena ibu tunggal bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat kita. Tetapi, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ia ini menjadi satu topik yang mengundang perbincangan bila kita bercakap tentang wanita dan keluarga. Ibu tunggal adalah wanita yang berseorangan tanpa suami dan bertanggungjawab mendidik anak-anak dengan menjalankan dwifungsi iaitu sebagai penyara dan pengurus keluarganya. Ini meliputi mereka yang mendapat anak tanpa pernikahan yang sah dan mendidiknya bersendirian, isteri yang telah berpisah dengan suami dan menjaga anak-anak setelah ditinggalkan dan isteri yang bercerai hidup atau mati dan tinggal dengan anak-anaknya bersendirian (Rahman, 2000).

Oleh kerana keluarga ibu tunggal diketuai oleh seorang ibu, maka keluarga ibu tunggal ini dikatakan menghadapi banyak masalah, terutama berkaitan emosi ibu itu sendiri, masalah penjagaan dan pensosialisasi anak-anak serta masalah berkaitan masyarakat sekitar. Persoalan ibu tunggal amat berkaitan dengan komponen kekeluargaan, perkahwinan dan perceraian. Ketiga-tiga komponen ini iaitu kekeluargaan, perkahwinan dan perceraian adalah berkaitan di antara satu sama lain. Dalam masyarakat yang masih berpegang kepada agama, sebuah keluarga boleh terbentuk dengan adanya perkahwinan. Namun, tidak semua perkahwinan akan kekal. Terdapat perkahwinan yang berakhir dengan

perceraian. Perceraian adalah satu komponen dalam kehidupan berkeluarga yang akan melahirkan ibu tunggal (Ahmad & Ismail, 2010).

Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran ibu tunggal di Malaysia. Isu dan cabaran ini perlu untuk dijawab. Diharap, kajian ini dapat membantu kerajaan dalam merangka polisi atau pelan tindakan yang bersesuaian untuk kepentingan golongan ibu tunggal di Malaysia. Melalui kajian ini, maklumat sebenar berkaitan dengan isu dan cabaran dapat dikumpul. Maklumat ini amat berguna kepada kerajaan jika kerajaan ingin merangka polisi atau pelan tindakan yang sesuai untuk sesuatu kategori penduduk. Tanpa adanya maklumat yang tepat berasaskan penyelidikan tertentu, maka polisi yang digubal adalah kurang berguna untuk membantu sesuatu kategori penduduk.

KAJIAN LITERATUR

Tidak dinafikan ibu tunggal sama ada kematian suami atau diceraikan oleh suami akan menghadapi banyak cabaran. Antara cabaran yang dilalui adalah dalam bentuk emosi, ketidakstabilan ekonomi dan material dan pelbagai proses yang perlu dilalui untuk menuntut hak hak yang berkaitan. Antara isu yang akan dibincangkan di dalam artikel ini adalah Ibu tunggal kurang cakna terhadap bantuan yang diperuntukkan, isu tuntutan hak isteri selepas perceraian serta isu ketidakstabilan ekonomi yang dihadapi oleh ibu tunggal. Kupasan isu ini perlu dalam memberi jawapan kepada penyelesaian kepada isu ini agar ibu tunggal dapat menjalani hidup yang sejahtera walaupun ketiadaan suami disisi.

Isu Ibu Tunggal Kurang Cakna terhadap Bantuan yang Diperuntukkan

Di Malaysia, ibu tunggal yang berdaftar secara rasmi dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) diberikan bantuan yang berupa fasiliti, kebajikan dan bantuan kesihatan. Bantuan Kewangan kepada Ibu tunggal dapat dikategorikan kepada tiga. Bantuan pertama adalah berbentuk perubatan atau bantuan kesihatan yang merangkumi Skim Peduli Sihat dan Rawatan Jantung. Bantuan Kebajikan pula diaghikkan melalui pelbagai agensi kerajaan sebagai contoh, Bantuan Am, Bantuan Kewangan bagi warga Tua, Bantuan Kasih, Bantuan Kasih Ibu Smart Selangor atau KISS, Bantuan Sara Hidup dan juga bantuan zakat. Yayasan Tekun Nasional (TEKUN), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), program E-Kasih, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bantuan Zakat, geran pelancaran, PERWANI dan Bazar Wanita Malaysia diberikan kepada usahawan di kalangan ibu tunggal sebagai sokongan kepada mereka. Pengagihan bantuan ini adalah berdasarkan permohonan dan penyiasatan pemohon mengikut kategori pendapatan ibu tunggal (Mahat et al, 2019).

Walaupun bantuan kepada ibu tunggal yang diberikan oleh Kementerian ini banyak, namun ibu tunggal masih berhadapan dengan isu yang mana bertitik tolak dari kurangnya kesedaran atau cakna kepada bantuan-bantuan yang diperuntukkan kepada mereka serta hal berkaitan dengan keperluan pendaftaran ibu tunggal. Melalui kajian yang dijalankan oleh Jusoh & Latada (2020) ke atas

442 usahawan wanita di Selangor, mendapati ibu tunggal ini diberikan banyak bantuan melalui program pembangunan keusahawanan seperti program latihan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita serta agensi yang berkaitan, namun terdapat ibu tunggal yang masih berada dalam masalah kemiskinan. Di antara faktor-faktor kepada permasalahan ini adalah disebabkan oleh ibu tunggal datang dari latar belakang berpendidikan rendah, tiada pengalaman bekerja serta tidak cakna kepada saluran untuk mendapatkan bantuan kewangan serta bantuan-bantuan lain (Jusoh & Latada, 2020). Menurut Zakaria et al (2019), Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 ada menyatakan hanya 83,775 orang ibu tunggal yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Wanita berbanding jumlah ibu tunggal yang sebenar, iaitu 235,240 orang. Ini mungkin disebabkan ramai di antara mereka yang tidak mendapat pendedahan tentang fungsi jabatan tersebut dan sibuk menguruskan diri dan keluarga. Kurangnya kesedaran kepada bantuan sama ada kewangan serta lain-lain menyebabkan kesukaran kepada pihak kerajaan untuk menjaga kebijakan ibu tunggal dan merumitkan permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

Selain dari itu, terdapat juga ibu-ibu tunggal yang tidak mempunyai maklumat mengenai kewujudan persatuan atau NGO yang boleh membantu ibu tunggal itu sendiri. Penyelidik mendapati ibu tunggal ini kebanyakannya menyara kehidupan mereka berbekalkan usaha mereka sendiri (Rosedi, 2022). Ada juga pemohon di kalangan ibu tunggal yang merasakan mereka tidak layak memohon kerana pendapatan yang tinggi. Kebanyakan pemohon bantuan adalah datang dari kategori B40 dan sebahagian kecil dari M40. Manakala bagi kategori T20, mereka dilihat tidak memohon kerana merasakan mereka tidak layak mendapat bantuan yang diperuntukkan kepada ibu tunggal (Mahat et al, 2019).

Implikasinya ibu tunggal mengalami masalah kemiskinan, berdepan dengan tekanan emosi yang berpanjangan serta tekanan kewangan yang tinggi akibat dari kurang kesedaran ibu tunggal kepada kepentingan pendaftaran ibu tunggal serta kurang cakna bantuan yang diperuntukkan kepada mereka.

Isu Tuntutan Hak-Hak Isteri Selepas Perceraian

Dari sudut perundangan di Malaysia, merujuk kepada Senarai II Jadual Ke-9 Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan bahawa undang-undang keluarga Islam disenaraikan di bawah senarai negeri. Ini bermakna, semua perkara yang berkaitan dengan undang-undang keluarga orang Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri dan ia dikawal oleh Akta dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam setiap negeri. Oleh itu setiap negeri ada undang-undang dan prosedur boleh berbeza dalam menangani hal ehwal undang-undang keluarga Islam masing-masing. Namun jenis hak-hak yang dituntut, adalah hampir sama di setiap negeri. Oleh yang demikian kajian ini tidak akan menyentuh secara mendalam berkaitan peruntukan perundangan secara khusus tetapi akan merujuk hak-hak tuntutan yang biasanya akan dituntut dalam kerangka perundangan di Malaysia secara umum sahaja dan Bagi maksud artikel ini, rujukan adalah kepada Undang-Undang Keluarga Islam, (Akta Wilayah-Wilayah Persekutuan)

1984 (Akta 303) selepas ini dikenali sebagai (AKIWP 1984). Hak-hak tersebut dibincangkan dalam perenggan berikutnya.

Para isteri selepas bercerai boleh menuntut mas kahwin sekiranya mas kahwin yang dijanjikan tidak lagi dibayar pada akad nikah dan menjadi hutang. Seksyen 2 AKIWP 1984 mendefinisikan hadiah perkahwinan sebagai hadiah sama ada dalam bentuk wang atau benda yang diberikan oleh suami kepada isteri semasa perkahwinan. AKIWP 1984 juga memperuntukkan bahawa wanita yang sudah berkahwin mempunyai hak di bawah undang-undang Islam ke atas mas kahwin dan hadiah perkahwinannya atau mana-mana bahagian daripadanya apabila perkahwinannya dibubarkan. Manakala seksyen 21 (2) (c) AKIWP 1984 menyatakan bahawa mahkamah boleh merekodkan nilai dan butir-butir lain mana-mana bahagian mahar atau hadiah perkahwinan atau kedua-duanya yang dijanjikan tetapi tidak dibayar pada masa akad nikah, dan tarikh pembayaran yang dijanjikan. Selain itu, adalah penting untuk dinyatakan, isteri bukan sahaja boleh menuntut hutang mas kahwin yang tak dibayar tetapi juga hutang sepanjang perkahwinan. Namun para isteri dinasihatkan supaya menyenaraikan hutang-hutang tersebut termasuk hutang nafkah sepanjang perkahwinan. Walau bagaimanapun, semua hutang tersebut memerlukan dokumen sokongan untuk memudahkan proses tuntutan daripada suami sama ada di luar atau di dalam Mahkamah.

Hak seterusnya adalah Hak Tempat Tinggal, merujuk kepada Seksyen 71 (1) AKIWP 1984 memperuntukkan bahawa wanita yang diceraikan berhak tinggal di rumah yang pernah diduduki semasa dia berkahwin, selagi suami tidak dapat menyediakan tempat tinggal lain yang sesuai untuknya. Manakala Seksyen 71 (2) AKIWP 1984 menyatakan bahawa hak tempat tinggal yang diperuntukkan dalam subseksyen hendaklah terhenti apabila tempoh pendamaian telah tamat atau tempoh penjagaan kanak-kanak telah tamat atau wanita itu telah berkahwin semula atau wanita itu telah nusyuz .

Hak yang paling penting dan biasanya akan dituntut oleh isteri adalah Nafkah untuk isteri dan anak serta hadhanah. Merujuk kepada Seksyen 59 (1) AKIWP1984 memperuntukkan bahawa mahkamah boleh memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah kepada bekas isterinya. Dalam menentukan amaan apa-apa nafkah yang perlu dibayar, mahkamah hendaklah mengasaskan penilaianya terutama pada cara dan keperluan pihak-pihak seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 61 AKIWP 1984. Di samping itu, seksyen 65 (1) AKIWP 1984 menyatakan bahawa hak isteri yang diceraikan untuk menerima nafkah daripada bekas suaminya di bawah mana-mana perintah mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh menunggu iaitu tiga bulan dari penceraian .Manakala merujuk kepada Nafkah anak, dapatkan beberapa projek penyelidikan yang dijalankan tentang nafkah anak di Malaysia menunjukkan bahawa kegagalan menerima nafkah daripada bapa merupakan isu besar yang membawa masalah kewangan yang serius dalam kalangan ibu yang mendapat hak jagaan terhadap anak selepas berlaku perceraian (Kamaruddin et al, 2005).

Hak penjagaan anak atau hadhanah adalah antara hak yang sentiasa menjadi perebutan antara ibu dan ayah. Merujuk kepada Seksyen 81 (1) AKIWP 1984 menyatakan ibu adalah orang yang paling berhak untuk menjaga anak-

anaknya yang masih bayi semasa perhubungan pertalian dan juga selepas pembubarannya. Kelayakan orang yang boleh menjalankan tugas sebagai penjaga ditetapkan dalam seksyen 82 AKIWP 1984 iaitu:

- a. Dia beragama Islam;
- b. Dia berada pada usia yang melayakkannya untuk memberikan penjagaan, kasih sayang dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- c. Dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu mungkin tidak mengalami sebarang risiko dari segi moral atau fizikal.

Seksyen 72 (1) AKIWP 1984-pula memperuntukkan, adalah menjadi kewajipan seorang lelaki untuk menyara anak-anaknya, sama ada mereka berada dalam jagaannya atau jagaan mana-mana orang lain, sama ada dengan menyediakan tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan kepada mereka, perhatian, dan pendidikan yang munasabah dengan mengambil kira kemampuan dan kedudukannya dalam kehidupan atau dengan membayar kosnya.

Selanjutnya hak yang tidak boleh diabaikan isteri untuk dituntut selepas perceraian adalah Saguhati atau mutaah. Merujuk kepada seksyen 2 AKIWP 1984, mentakrifkan pemberian saguhati atau mutaah sebagai pemberian yang munasabah mengikut undang-undang Islam, diberikan kepada isteri yang diceraikan. Seksyen 56 AKIWP 1984 memperuntukkan seorang wanita yang telah diceraikan tanpa sebab yang adil oleh suaminya boleh memohon untuk mendapatkan mutaah, kerana dia telah diceraikan tanpa sebab yang adil, dan memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang adil dan hanya mengikut syariat Islam. Tujuan saguhati bayaran adalah untuk meredakan perasaan isteri yang telah diceraikan tanpa sebab yang munasabah.

Hak lain seterusnya ialah harta sepencarian. Harta sepencarian, walau ia tidak disebut dengan jelas di dalam al Quran namun peruntukan undang-undang di Malaysia mengiktiraf hak ini. Merujuk Seksyen 2 AKIWP 1984 mentakrifkan harta sepencarian sebagai harta yang diperoleh secara bersama oleh suami dan isteri semasa sara hidup perkahwinan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak. Malah merujuk Seksyen 112 (1) (2) (3) (4) (5) AKIWP 1984 Mahkamah boleh memerintahkan pembahagian mana-mana set di antara pihak-pihak dengan pelbagai cara menurut peruntukan undang-undang. Untuk tujuan bahagian ini, rujukan kepada aset yang diperoleh semasa perkahwinan termasuk aset yang dimiliki sebelum perkahwinan oleh satu pihak yang telah diperbaiki dengan ketara semasa perkahwinan oleh pihak yang satu lagi atau melalui usaha bersama mereka.

Dari semua hak-hak yang berhak dituntut oleh wanita bercerai ini. Menurut Hamzah (2006), cabaran untuk wanita bercerai ini ialah tidak ramai dalam kalangan mereka yang tahu semua hak-hak ini dan mereka juga keliru bagaimana kaedah untuk menuntut hak-hak mereka sekalipun berkaitan tuntutan nafkah anak. Ini mengakibatkan terdapat dalam kalangan mereka hanya cuba bergantung kepada adik beradik atau keluarga dalam menanggung keperluan anak dan meneruskan hidup. Manakala penguatkuasaan Perintah Nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah selepas berlakunya perceraian sering menjadi isu besar dalam kalangan wanita bercerai di Malaysia. Walaupun

Undang-undang Keluarga Islam mempunyai peruntukan yang jelas tentang nafkah, namun terdapat kelemahan ketara dalam penguatkuasaan Perintah Nafkah, terutama apabila bekas suami gagal untuk bekerjasama. Terdapat suami atau bapa masih ingkar mematuhi perintah mahkamah..

Dapatan beberapa projek penyelidikan yang dijalankan tentang nafkah anak di Malaysia menunjukkan bahawa kegagalan menerima nafkah daripada bapa merupakan isu penting yang membawa masalah kewangan yang ketara dalam kalangan ibu yang mendapat hak jagaan terhadap anak selepas perceraian (Soh et al, 2017).) Selain faktor kelemahan prosedur penguatkuasaan dan kurangnya pengetahuan wanita bercerai tentang hak-hak mereka, faktor lain yang menjadi kesukaran wanita bercerai dalam menuntut hak mereka ialah ketiadaan garis panduan yang jelas tentang prosedur dan langkah-langkah tuntutan hak-hak tersebut dan juga mereka turut kurang jelas organisasi mana yang patut mereka rujuk. Didapati kebanyakan wanita bercerai tahu hak mereka dituntut bermula di Jabatan Agama Islam dan Mahkamah tetapi ramai di kalangan mereka tak tahu bahawa tuntutan yang mereka boleh rujuk adalah lebih dari hanya dua organisasi itu sahaja.

Organisasi lain yang boleh dirujuk adalah Badan sokongan keluarga, Jabatan Bantuan guaman dan kaedah Sulh. Manakala jika melibatkan perceraian kerana kematian, mereka boleh rujuk juga Amanah Raya, Pejabat Pesaka kecil, PERKESO, Tabung Haji, pejabat KWSP, organisasi yang berkaitan untuk tuntutan khairat dan lain-lain lagi. Kepelbagaiannya tuntutan dan organisasi yang hendak dirujuk oleh wanita bercerai ini menjadi cabaran yang menyulitkan wanita bercerai sehingga ada di antara mereka berputus asa untuk menuntut hak-hak mereka dan ini menuntut supaya ada kaedah dan garis panduan yang jelas sekurang-kurangnya sebagai senarai semak untuk dijadikan juru pandu inisiatif awal wanita bercerai bertindak.

Isu Ketidak Stabilan Ekonomi

Bagi wanita yang bekerja kemungkinan masalah ekonomi tidak menjadi perkara berat bagi mereka meneruskan kehidupan selepas berlaku kematian suami atau perceraian. Namun bagi suri rumahtangga yang tidak bekerja dan hanya mengharapkan ‘ihsan’ dari suami, perkara ini akan menjadi satu beban yang sangat berat. Apatah lagi sekiranya sebelum ini tiada perancangan kewangan dibuat untuk menghadapi situasi yang mendatang.

Menurut kajian yang dibuat oleh Husin (2005), kehilangan punca mata pencarian keluarga adalah faktor utama ibu tunggal terjebak dalam kancang kemiskinan. Desakan sara hidup yang semakin meningkat sekarang juga menjadi punca kepada kesulitan yang dihadapi. Apatah lagi sekiranya mereka mempunyai anak-anak yang masih kecil dan bersekolah. Bayaran menghantar anak ke pengasuh atau taska dan tadika memerlukan belanja yang sangat tinggi. Sekolah juga dengan kepelbagaiannya aktiviti memerlukan perbelanjaan menyebabkan ibu tunggal yang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi semakin tersepit. Pelbagai bantuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan seperti Bantuan Awal Persekutuan 2023, Bantuan Tunai Rakyat 2023, Bantuan Sumbangan Tunai

Rahmah (STR) 2023 (yang akan dilaksanakan untuk tempoh 6 bulan), Skim Bantuan JKM dan lain-lain hanya dapat membantu memenuhi sebahagian daripada keperluan mereka.

Penulis berpandangan, di samping menghulurkan bantuan jangka pendek ibu tunggal sangat memerlukan sebarang bantuan dalam tempoh jangka panjang yang dapat mereka manfaatkan bagi mengeluarkan mereka dari lembah kemiskinan. Cadangan seperti menyediakan kursus kursus kemahiran untuk ‘survival’, Skim Perumahan Khas B40, kemudahan atas perlindungan insurans perubatan, menyediakan projek-projek berskala kecil yang sesuai dilakukan oleh golongan ibu tunggal ini atau memberikan modal perniagaan seperti yang dilakukan oleh Pusat Zakat (Pusat Zakat Pulau Pinang). Tidak disangkal, kemiskinan dan kepayahan ekonomi turut memberi kesan kepada emosi ibu tunggal. Di khawatir ini akan meningkatkan jumlah penduduk Malaysia yang menghadapi masalah ‘anxiety’ dan kemurungan yang semakin meningkat.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Artikel ini adalah berbentuk kualitatif. Rujukan keseluruhan adalah menggunakan Al Quran dan As Sunnah, Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam serta dapatkan dari artikel jurnal, suratkhabar serta laporan dari website. Akta dan Enakmen Undang-undang digunakan untuk melindungi hak wanita bersama-sama kanak-kanak selaras dengan syariat. Kajian ini juga memfokuskan kepada proses pengumpulan data dalam bentuk teori/fakta dan amali sebagai satu kumpulan maklumat yang akan dianalisis untuk mencapai objektif yang digariskan. Kaedah penyelidikan terbahagi kepada dua iaitu Kaedah pengumpulan data serta analisis data. Bagi kaedah pengumpulan data, penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan kaedah temubual di dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Bagi analisis data, penyelidik menggunakan kaedah induktif dan kaedah analisis teks. Kajian ini menggunakan temubual separa berstruktur untuk mengumpul data. Di dalam kajian ini, responden diberikan beberapa soalan selidik dan temubual separa berstruktur kepada ahli komuniti menggunakan pendekatan persampelan yang mudah dan temubual separa berstruktur telah diterima pakai untuk mendapatkan maklumat dari ibu tunggal dan pendapat pakar dalam bidang tertentu. Seramai 10 ibu tunggal yang berasal dari negeri Melaka dan dari kawasan desa dan bandar. Manakala pakar yang ditemubual adalah peguam syarie, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pengarah dari Pejabat Pembangunan Wanita dan terdapat banyak data sekunder dan primer seperti dokumen, surat, pegawai arkib dan kaji selidik di jabatan berkaitan digunakan sebagai bahan rujukan.

CADANGAN KERANGKA KIT BANTOW



Rajah 1: Kerangka Kit BanTow

Kit BanTow merupakan inisiatif yang telah dirangka sebagai langkah pertama ibu tunggal dalam menjalani fasa kehidupan selepas berlakunya perceraian. Kit ini telah disusun secara kualitatif menggunakan teknik analisis dokumen menerusi data dan input daripada buku, kajian jurnal dan tesis berkaitan dengan tajuk ini. Kit ini dinamakan sebagai Kit BanTow yang bermaksud “bantu anak tolong wanita”. Oleh itu, kit ini disediakan bagi membantu ibu tunggal sebagai rujukan sebagai langkah awal untuk bertindak. Kit ini juga menyediakan senarai semak tindakan serta laman web, QR kod badan atau jabatan yang boleh dirujuk. Kit BanTow ini sangat bermanfaat untuk semua ibu tunggal sebagai persediaan menghadapi apa juu kemungkinan. Ini seiring dengan masalah yang sedang dihadapi serta mampu membantu dan membimbing mereka untuk mengambil langkah awal selepas perceraian walau dalam keadaan berduka cita. Kit ini juga mudah difahami serta menjadi satu identiti yang menghubungkan wanita bercerai dengan badan-badan yang berkaitan dengan kaedah QR Kod seiring dengan teknologi semasa tanpa perlu merujuk kepada pelbagai pihak dan boleh terus mengetahui organisasi mana yang patut dirujuk.

Kelebihan kit ini juga adalah selari dengan masalah yang sedang dihadapi para ibu tunggal, disediakan dalam bentuk digital dan helaian pamphlet yang kreatif yang mudah dibawa ke mana-mana serta mengambil konsep menggabungkan elemen e-kit, tulisan, lukisan, imbasan QR kod, penggunaan digital dan senarai semak panduan secara kreatif dan menarik. Kit ini mudah difahami serta menjadi satu identiti yang menghubungkan ibu tunggal dengan badan-badan yang berkaitan dengan kaedah QR Kod, laman web seiring dengan

teknologi semasa tanpa perlu merujuk kepada pelbagai pihak dan kerana kit ini boleh terus mengetahui organisasi mana yang patut dirujuk. Kit ini juga menjadi satu usaha tanggungjawab sosial korporat para pengkaji bagi membantu dan memudahkan ibu-ibu tunggal merujuk kit ini sebagai garis panduan dan senarai semak dalam mengatur langkah awal selepas perceraian. Kit ini ditambah baik dari masa ke semasa mengikut peredaran masa dan tuntutan-tuntutan baru yang relevan untuk dituntut sebagai langkah keprihatinan kepada kesejahteraan hidup ibu tunggal dan masa depan anak-anak yang lebih baik. Kit BanTow telah mendapat perhatian, sokongan serta sambutan dari Pejabat Pembangunan Wanita, Peguam Syariah serta Jabatan Kebajikan Masyarakat, Negeri Melaka.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dari kajian literatur yang dibincangkan di atas, penyelidik mendapati tuntutan boleh dilakukan oleh ibu tunggal yang bercerai sama ada cerai hidup atau mati, kerana ia melibatkan isu ibu tunggal yang kurang cakna terhadap bantuan yang diperuntukkan, urusan mahkamah yang tidak selesai, dan ketidakstabilan ekonomi. Malah semua tuntutan ini mungkin menyukarkan ibu tunggal berhadapan dengan tuntutan-tuntutan yang hendak diuruskan pasca perceraian dalam keadaan yang masih berduka-cita. Kefahaman berhubung hak dan undang-undang tersebut merupakan satu keperluan khususnya ibu tunggal kerana tanpa mengetahuinya, hak seseorang itu mudah di ketepikan. Kebanyakan kes yang melibatkan kaum wanita seperti perkahwinan, perceraian dan penganiayaan adalah berpunca daripada kurangnya kesedaran tentang hak sebenar mereka. Menurut Jamilah Ahmad, peguam dari Firma Jamilah. Co, dan merupakan panel peguam JBG dan ahli persatuan Peguam Syariah, mendapati ramai ibu tunggal tidak tahu sepenuhnya hak-hak yang mereka boleh tuntut apatah lagi pelbagai organisasi yang perlu dirujuk. Malahan di kalangan ibu tunggal yang ditemubual di bandar, mereka lebih jelas hak-hak yang boleh dituntut selepas perceraian namun turut memperakui, agak keliru dan terhad pengetahuan berkenaan organisasi yang boleh dirujuk dalam perceraian kerana kematian.

Hal ini turut dipersetujui oleh Mohamad Isyamry Ramli, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Produktif Kebajikan dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka, dan Nor Azman Mohd Nor, Pengarah Pejabat LPPKN Melaka, menyatakan keperluan Kit ini mampu dijadikan senarai semak sebagai rujukan menyeluruh dalam mengambil langkah awal ibu tunggal menuntut hak-hak mereka dan mengetahui pelbagai organisasi-organisasi yang perlu di rujuk serta pelbagai organisasi sokongan seperti sokongan sosial, emosi dan ekonomi yang semakin bertambah. Mereka juga mengakui kesukaran dan cabaran ibu tunggal dalam usaha menuntut hak-hak mereka selepas perceraian. Ditambah pula tidak ramai ibu tunggal mengetahui khidmat dan bantuan yang disediakan di jabatan-jabatan yang menyalurkan bantuan kepada ibu-ibu tunggal sekalipun usaha menyebarkan maklumat giat dilaksanakan oleh media dan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan. Pandangan mereka ini berdasarkan keluhan ibu tunggal yang menemui agensi-agensi ini dan di dalam bengkel-bengkel yang mereka laksanakan.

Nurul Huda Kamarul Zahari, Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Melaka juga turut memperakui sekali pun terdapat banyak program kesedaran yang dianjurkan dan pendedahan maklumat mula disebarluaskan melalui agensi-agensi berkaitan seperti khidmat pelanggan mahkamah shariah, Badan Sokongan Keluarga, Jabatan bantuan guaman berkenaan hak-hak yang boleh dituntut namun tidak ada satu garis panduan dan senarai semak secara menyeluruh disediakan sebagai rujukan ibu tunggal dengan cara yang mudah disampaikan. Ini terutamanya berkaitan pelbagai organisasi terhadap tuntutan selepas perceraian kerana kematian dan organisasi-organisasi yang terlibat untuk memberi sokongan sosial, emosi, ekonomi dan lain-lain. Mereka turut berpendapat bahawa amat perlu diwujudkan satu garis panduan yang menyeluruh sebagai pemudah cara dan sebagai senarai semak yang jelas kepada para ibu tunggal agar kekeliruan dapat diatasi dan para ibu tunggal boleh mengambil langkah segera tanpa menunggu masa yang lama tercari-cari organisasi mana yang perlu dituju dan tertanya-tanya apakah hak-hak yang mereka boleh tuntut.

Bertitik tolak dari dapatan tersebut, penyelidik telah mengambil inisiatif mencipta Kit Ban Tow ini untuk rujukan ibu tunggal sebagai panduan untuk mereka menuntut hak-hak mereka dan rujukan organisasi-organisasi bantuan sokongan sosial, ekonomi dan emosi dalam melangsungkan kehidupan seterusnya menjadi platform yang mudah dan jelas kepada wanita yang ingin mendapatkan pengetahuan, panduan serta bimbingan sebagai rujukan untuk bantuan selepas berlakunya perceraian hidup atau mati.

KESIMPULAN

Malaysia sedang mengorak langkah menjadi sebuah negara maju menjelang 2030. Seiring dengan pembangunan dan kemajuan tersebut, muncul pelbagai persoalan dalam masyarakat yang menuntut para sarjana, untuk mencari jalan penyelesaian yang bijak lagi berkesan untuk membantu ibu tunggal untuk menghadapi isu dan cabaran selepas perceraian. Masalah bertambah serius apabila terdapat juga ibu tunggal yang kurang cakna akan bantuan yang diperuntukkan kepada mereka oleh kerajaan dalam mengurangkan tekanan yang sedang dihadapi oleh mereka.

Tahap kualiti hidup sebagai seorang ibu tunggal akan lebih terjamin dan terbaik apabila mereka tahu langkah-langkah untuk mengatasi pelbagai isu dan cabaran dengan lebih baik dengan adanya bantuan Kit BanTow yang diperkenalkan. Dengan pelbagai isu dan cabaran yang ditempuhi seperti yang telah dibincangkan dalam artikel ini, seorang ibu tunggal tidak lagi gusar dan dapat mengatasinya dengan lebih tenang dan kurang tekanan. Daripada hasil kajian mendapati, cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah (a) kurang cakna terhadap bantuan yang diperuntukkan b) urusan mahkamah, dan (c) ketidakstabilan ekonomi. Sebagai solusi kepada permasalahan ibu tunggal ini, kajian ini membangunkan Kit BanTow dengan harapan ia akan dapat membantu dan membimbing wanita dalam memulakan tuntutan dan menguruskan kehidupan selepas perceraian.

Selain itu, cabaran yang dihadapi adalah daripada kekeliruan dalam mengambil langkah awal selepas berlakunya perceraian. Kebanyakan ibu tunggal tidak jelas kepada siapakah mereka mahu mengadu dan organisasi manakah yang patut dirujuk untuk menyelesaikan urusan berkaitan tuntutan hak mereka dan meneruskan kelangsungan hidup pasca perceraian. Ini adalah kerana, tidak terdapat satu panduan seperti senarai semak sebagai rujukan yang menyeluruh untuk membantu para ibu tunggal ini. Malah ketiadaan rujukan dalam bentuk senarai semak sebagai panduan dan langkah awal yang membimbang para ibu tunggal, menyukarkan mereka menguruskan tuntutan dan kehidupan selepas perceraian.

Justeru itu kajian ini membina satu kit yang dinamakan Kit BanTow yang bermaksud “Bantu anak tolong wanita”. Kit ini mengandungi senarai semak hak-hak yang boleh dituntut oleh ibu tunggal dan senarai organisasi-organisasi penting berkaitan yang dilengkapi dengan QR Code supaya rujukan terus boleh dibuat. Objektif kit ini adalah pemudah cara dalam membantu dan membimbang wanita memulakan tuntutan selepas penceraian.

Walaupun peranan mengatasi isu dan cabaran wanita pada hari ini semakin meningkat khususnya terhadap ibu tunggal. Isu dan masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal ini sememangnya bukan sesuatu perkara yang baru tetapi hampir setiap tahun media telah melaporkan pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini. Hal ini demikian kerana, apabila golongan ini dapat meneruskan kehidupan dan menempatkan kembali diri mereka kepada satu norma kehidupan yang normal, ini akan membuatkan mereka lebih mudah untuk menyesuaikan diri dan menjalani kehidupan seperti mana individu yang lain menjalani kehidupan. Kesimpulannya, dengan Kit BanTow, kegelisahan, tekanan, dan kebimbangan ibu tunggal ini dapat di atasi kerana umumnya mereka sebenarnya mempunyai hak untuk meneruskan kehidupan dengan lebih baik. Ini penting bagi memastikan kesejahteraan ibu tunggal tidak diketepikan dalam mengejar pembangunan ekonomi dan sosial yang inklusif selari dengan Dasar Kemakmuran Bersama, 2030. Sokongan kajian Kit BanTow diharapkan sedikit sebanyak membantu meringankan beban yang dihadapi oleh mereka serta sebagai panduan inisiatif awal untuk mendapat maklumat yang berkaitan dengan bantuan kebijakan yang disediakan.

RUJUKAN

Ahmad, W. I. W & Ismail, Zainab (2010), Kualiti Hidup dan Harapan Masa Depan Ibu Tunggal Melayu Muslim di Pantai Timur Malaysia, *Islómiyyót* 32 (2010): 173 – 202.

Al Qur'an.

Bantuan Modal Perniagaan Zakat Pulau Pinang,
<https://v2.zakatpenang.com/bantuan-modal-perniagaan/#:~:text=BANTUAN%20MODAL%20PERNIAGAAN%20ZAKAT%20PULAU,dan%20juga%20membangunkan%20modal%20insan>.

- Choi, J. K., & Jackson, A. P. (2011). Fathers' involvement and child behavior problems in poor African American single-mother families. *Children & Youth Services Review*, 33(5), 698-704.
- Hamzah, N. (2006). A socio legal perspective on the impact of divorce on children's welfare: A pilot study on children living with single mothers in selected rural areas in Selangor (Tesis Sarjana MCL). UIAM.
- Hassan, F. (2014). Komunikasi baik pertahan institusi kekeluargaan dalam Harian Metro.
- Husin, A. (2005). Cabaran Ibu Tunggal dalam Institusi Keluarga Yang Berubah. In A. Omar , R. & Pandian, S (Eds). *Isu-isu Sosial Semasa* (160-169). Institut Sosial Malaysia.
- Jusoh, M.N., & Latada, F. (2020). The Challenges Faced by Single Mothers in Malaysia During the Covid 19 Pandemic, Vol 19, *Jurnal al-Sirat*, 80-87.
- Kamaruddin, Z., Nordin, M. S & Mohd. A. (2005). *Kajian Perlaksanaan dan Penguatkuasaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia 2001– 2005*; Cawangan Penyelidikan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Putra Jaya; Noor Aziah Mohd. Awal (2004), Enforcement of maintenance orders in Malaysia: A comparative study in the states of Selangor, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur (UU/FRGS002/2004).
- Mahat, I. R., Mahat, N., Mustafa, M. S. A & Ismail, W. M. W. (2019). Empowering Single Mothers Through Implementation And Recognition Of Law In Malaysia. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, Vol. 7, (June), 53-59.
- Malinen, K., Kinnunen, U., Tolvanen, A., RönkÄ, A., Wierda-Boer, H., & Gerris, J. (2010). Happy Spouses, Happy Parents? Family Relationships Among Finnish and Dutch Dual Earners. *Journal of Marriage & Family*, 72 (2), 293-306.
- Nichols, M. P. (2010). *Family Therapy Concepts and Methods* (9th ed.). Boston: Pearson Education.
- Fauziah Hassan (2014). Komunikasi baik pertahan institusi kekeluargaan dalam Harian Metro.
- Noh, M. F. (2023, Jan 8). Payung Rahmah bantu b40 tangani isu kos sara hidup. Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1049015/payung-rahmah-bantu-b40-tangani-isu-kos-sara-hidup>.
- Ochoa, R. M. (2006). Spirituality and bereavement among the widowed. (1437804 M.S.W.), California State University, Long Beach, United States -- California.
- Permohonan Bantuan Khas Ibu Tunggal
<https://www.permohonan.my/permohonan-bantuan-khas-ibu-tunggal/>
- Rahman, S. F. A. (2000), Ibu Tunggal: Semua Pihak Perlu Lebih Bertanggungjawab, Institusi Kefahaman Islam Malaysia dalam <https://www.ikim.gov.my/index.php/2000/01/01/ibu-tunggal-semua-pihak-perlu-lebih-bertanggungjawab/> diambil pada 4 Januari 2023).

- Rosedi, R. (2022, November 30). Cabaran Ibu Tunggal Teruskan Kehidupan. *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/233948/edisi/pahang/cabaran-ibu-tunggal-teruskan-kehidupan>)
- Soh, R. C., Hashim, N. M., & Na'im Mokhtar, M. (2017). Badan Sokongan Keluarga Membantu Anak Selepas Perceraian: Keberkesanan, Cabaran dan Perbandingan dengan Amalan Negara Maju. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 29(2), 280-309.
- Zakaria, S.M., Shafarudin, N.S., Akhir, N.M., Hoesni, S.M., & Manap, J. (2019). Cabaran Hidup Ibu Tunggal: Kesan Terhadap Kesejahteraan Emosi. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 4(24), 69-84.

Senarai Statut

Perlembagaan Persekutuan, Dalam Senarai II Jadual Ke-9
Undang-undang Keluarga Islam, (Akta Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)
1984

Senarai Temubual

- Jamilah Ahmad, peguam dari Firma Jamilah.Co., secara atas talian Google Meet pada 30 Ogos 2022
- Mohamad Isyamry Ramli, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Produktif Kebajikan dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka, pada 5 September 2022 di pejabat JKM Negeri Melaka.
- Nurul Huda Kamarul Zahari, Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita,pada 5 September 2022
- Nor Azman Mohd Nor, Pengarah Pejabat LPPKN) pada 5 September 2022 di pejabat LPPKN Negeri Melaka.
- Ibu tunggal di sekitar Alor Gajah dan bandar Melaka yang namanya dirahsiakan.